



Publication	UtusanTV	Section / Page	Online	Date	3/11/2021
Headline	Takaful Malaysia Menang Anugerah Takaful Motor Terbaik				

SYARIKAT Takaful Malaysia Am Bhd. (Takaful Malaysia) muncul pemenang Anugerah Takaful Motor 2021/22 dalam Anugerah Insurans dan Takaful Motor anjuran iBanding Services Sdn. Bhd.

Anugerah yang diwujudkan pada tahun 2016 itu bertujuan memberi pandangan telus kepada masyarakat berdasarkan pengalaman peribadi pengguna bersama penyedia insurans atau takaful mereka.

Ia juga merupakan anugerah insurans dan takaful motor bebas pertama di Asia berdasarkan maklum balas pelanggan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil berbesar hati dengan penganugerahan tersebut yang disifatkan sebagai bukti manfaat konsisten kepada pelanggan.

“Kami sangat berbesar hati diiktiraf sekali lagi oleh rakyat Malaysia sebagai Syarikat Motor Takaful Terbaik di Malaysia untuk tahun 2021/22.

“Pengiktirafan ini adalah bukti bahawa nilai dan manfaat menarik yang ditawarkan secara konsisten kepada pelanggan takaful motor kami mencerminkan persetujuan pengguna mengenai jenama dan produk takaful motor kami.

“Kami berusaha untuk menawarkan penyelesaian perlindungan yang kompetitif bagi memenuhi jangkaan mereka sebagai pengguna,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Takaful Malaysia baru-baru ini telah melancarkan Takaful myClick Motor FlexiSaver secara maya, pelan takaful motor flexi pertama negara dengan perlindungan harian bayar semasa anda memandu.

Mengulas mengenai senarai kedudukan anugerah tersebut, Pengarah iBanding, Luke Roho berkata, kedudukan syarikat insurans dan takaful motor membantu pengguna memilih syarikat yang sesuai kepada mereka.

Katanya, sebelum Liberalisasi Tarif Insurans dan Takaful Motor, setiap syarikat menawarkan harga yang sama disebabkan penetapan harga oleh kerajaan.

“Hari ini, pengguna mampu mendapat penjimatan lebih daripada 50 peratus jika mereka membuat perbandingan harga.

“Namun, harga yang termurah tidak bermaksud ia adalah terbaik. Syarikat juga kini menawarkan tahap perkhidmatan pelanggan yang berbeza,” katanya.